

# Jadikan MIB pegangan hidup hadapi arus globalisasi

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Jan - Melayu Islam Beraja (MIB) adalah falsafah negara dan teras kenegaraan yang menjadi pegangan rakyat Negara Brunei Darussalam untuk terus memelihara dan mengekalkannya dari semasa ke semasa.

Selain itu, berkat kepimpinan pemerintahan beraja yang berkesan menaungi rakyat dan negara, falsafah negara MIB di peringkat antarabangsa telah menempati dan menyandang dengan baik serta wajar kedudukan serta statusnya dalam keadaan aman tenteram dalam kalangan negara-negara di dunia.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati kuliah khas bertajuk 'Signifikan Titah Pemasyhuran Kemerdekaan' disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz

Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Kuliah Ilmiah Kursus MIB Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sesi 2018/2019 (Semester 2) di Dewan Auditorium, UNISSA, Gadong.

Pada kuliah khas MIB anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UNISSA yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA, Dr Adam bin Haji Jait, Yang Berhormat Pehin menambah bahawa dengan kepimpinan yang berkesan, nilai-nilai MIB perlu diterapkan secara bijaksana dan betul.

"Ia perlu dilakukan demikian demi merealisasikan tiga perkara aspirasi nasional dan azam politik yang diungkapkan dalam Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan sebagai negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah," jelas



Yang Berhormat Pehin Ustaz Haji Awang Badaruddin bergambar ramai selepas memberikan kuliah khas di UNISSA.

Yang Berhormat Pehin.

Dalam kuliah tersebut, Yang Berhormat Pehin turut mengingatkan agar sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan dihayati oleh generasi muda agar mereka benar-benar memahami asas dalam mempertahankan negara dengan konsep MIB yang telah lama mengekalkan pemerintahan beraja sampai sekarang selama lebih 1,500 tahun.

Kursus MIB ditawarkan kepada pelajar Tahun 1 UNISSA yang dikategorikan sebagai kursus wajib universiti. Dalam keberhasilan Kursus MIB ini, mereka diharap akan memahami konsep MIB dengan lebih mendalam dan luas serta menjadikan MIB sebagai pegangan hidup dalam menghadapi gelombang moden dan arus globalisasi.

Hadir sama pada kuliah tersebut ialah Rektor UNISSA, pensyarah dan para pelajar UNISSA.

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr Haji Adanan bin Haji Basar; Pengarah Pusat Dakwah Islamiyah, Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh, para pegawai utama UNISSA, pensyarah dan para pelajar UNISSA.

# 47 terima bantuan BIBD ALAF



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew bergambar ramai bersama pelajar-pelajar yang menerima bantuan BIBD ALAF.

Oleh Syahmi Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Jan - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini menganugerahkan bantuan Program BIBD ALAF (Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future) kepada 47 orang pelajar baharu dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan pada Majlis Penganugerahan Bantuan Program BIBD di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Hadir menyampaikan anugerah tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Datin Seri Paduka Dr Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, setiausaha-setiausaha tetap, timbalan-timbalan setiausaha tetap, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari kedua-dua kementerian, BIBD, peserta Program BIBD ALAF dan ibu bapa serta penjaga mereka.

Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Istimewa BIBD, Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfeloh, selaku pemangku pengurus Lembaga Pemegangan Amanah BIBD ALAF, dalam ucapannya menjelaskan majlis penganugerahan tersebut merupakan yang keenam semenjak ia mula diadakan pada tahun 2013.

Menurutnya, objektif utama

program adalah mendukung pembelajaran penuntut yang menyertainya untuk menjadi pemimpin masa hadapan melalui bantuan kewangan yang komprehensif.

"Ia juga satu manifestasi kukuh pemedulian dan keperayaan BIBD dan rakan strategik dari KHEU dan Kementerian Pendidikan mengenai mustahaknya pembelajaran sepanjang hayat, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, dalam konteks memacu rakyat Brunei ke arah mempunyai pendidikan dan kebolehan yang tinggi," teckannya.

Dalam perkongsianya, Haji Mohammad Yusri juga merangkang setakat ini BIBD ALAF sudah pun membayai 215 orang, termasuk 47 orang pe-

nuntut bantuan pada tahun ini.

"Dalam prestasi akademik pelajar di bawah Program BIBD ALAF ini, pada tahun lepas sejumlah 37 yang menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) telah lulus semua mata pelajaran, 13 daripadanya meraih keputusan 5A manakala selebihnya lulus dengan markah sekurang-kurangnya gred C."

Dua lagi telah pun menduduki Sijil Peperiksaan Ugama Brunei (SPUB) dan lulus dengan cemerlang. Empat penuntut yang menduduki 'A' Level pula telah lulus dalam mata pelajaran yang mereka ambil dan mendoakan penuntut di bawah program itu yang menduduki 'O' Level tahun lepas akan mendapat keputusan cemerlang juga, tambahnya.

Beliau turut mengongsikan

salah seorang penuntut, Lai Fook Looeng telah pun menerima Anugerah Top 10 in the World bagi mata pelajaran Matematik dari World Olympic Mathematics.

Manakala dari segi pencapaian bukan akademik pula, BIBD ALAF telah pun melaksanakan beberapa aktiviti seperti Penubuhan Hab Digital BIBD ALAF yang mendedahkan pelajar kepada teknologi sebagai sebahagian daripada pembelajaran dan perkembangan mereka, BIBD ALAF Convention pula membahaskan isu-isu berkaitan sosioekonomi disertai 20 orang penuntut dan 30 lagi terlibat dalam penerbitan video Sayyid Istighfar dalam memperkuatkan lagi usaha-usaha pemeringkatan zikir ke arah memantapkan Brunei sebagai Negara Zikir serta banyak lagi aktiviti-aktiviti lain yang dirancang di bawah program ini, menurut Haji Mohammad Yusri.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru ibu bapa serta penjaga penuntut di bawah program itu untuk sentiasa memantau dan membantu anak-anak mereka sepanjang pembelajaran dan aktiviti mereka kerana beliau yakin sokongan yang mereka berikan akan dapat menyentik semangat para pelajar untuk terus mencapai kejayaan.

Beliau turut menasihatkan penuntut terpilih dalam program itu untuk menggunakan peluang keemasan yang diberikan untuk melakar kejayaan sekali gus merubah nasib mereka sendiri dan juga keluarga.

Majlis turut diserikan de-nan persesembahan nasyid daripada penuntut BIBD ALAF dan diikuti dengan penyam-pai'an bantuan BIBD ALAF oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew selaku tetamu kehormat kepada penuntut-penuntut berkenaan.